KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **10 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 16

# Pemandu lori didenda RM80,000 miliki diesel tanpa lesen



CHANDRAKUMAR

**SUNGAI PETANI** – Seorang pemandu lori didenda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan memiliki barang kawalan berjadual iaitu 24,676 liter diesel tanpa lesen sah, dua tahun lalu.

Hakim Azman Abu Hassan menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, G. Chandrakumar, 47, selepas dia menukar pengakuan bersalah semalam.

Pada 27 Disember tahun lalu, dia mengaku tidak bersalah atas pertuduhan berkenaan di mahkamah sama.

Dia turut berdepan hukuman penjara selama enam bulan jika gagal menjelaskan denda itu. Bagaimanapun Chandrakumar membayar denda tersebut

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memiliki diesel sebanyak 24,676 liter dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak munasabah untuk melakukan kesalahan iaitu berurusan dengan diesel secara borong tanpa lesen.

Kesalahan dilakukan di sebuah premis di Kawasan Perusahaan Pinang Emas, Sungai Petani kira-kira pukul 1.30 tengah hari, 4 Oktober 2022.

Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kedah, Muhammad Nizam Amir meminta hukuman yang setimpal dengan mengambil kira ketirisan dana kerajaan yang hilang akibat penyelewengan.

Walau bagaimanapun, peguam, T. Sharmela yang mewakili tertuduh merayu hukuman minimum kerana anak guamnya hanya berpendapatan RM2,000 sebulan serta perlu menjaga ibu yang sakit jantung.

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 7

PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

# PPM, polis Thailand berkongsi maklumat

**Kota Bharu:** Pasukan Polis Marin (PPM) sentiasa berkongsi maklumat dengan polis Thailand dalam menangani isu pencerobohan nelayan asing.

Komander PPM Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Norzaid Muhammad Said berkata, operasi bersama dijalankan bagi memastikan sempadan kedua-dua negara tidak diceroboh.

"Kita sedia maklum banyak aktiviti pencerobohan berlaku di sempadan negara kita dan Thailand maka operasi bersama sentiasa dibuat.

"Bagi isu penyelewengan diesel di tengah laut, tidak dinafikan ada berlaku tapi ia hanya kes terpencil.

"Di pihak kami memang berkongsi maklumat terutama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) agar isu ini dapat diatasi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri mesyuarat kerjasama strategik antara PPM dan KPDN, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) KPDN Aris Mamat.

Katanya, penyelewengan bahan bakar tidak banyak berlaku di laut di negeri ini, sebaliknya membabitkan Sungai Golok dan dilakukan oleh sindiket menggunakan bot.

Sementara itu, Norzaid berkata, mesyuarat berkenaan diadakan untuk mewujudkan keseragaman dalam melaksanakan tindakan khususnya menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 10/10/2024

M/SURAT: 13

MILIKI DIESEL TANPA LESEN

# Pemandu lori kena denda RM80,000

**Sungai Petani:** Seorang pemandu lori didenda RM80,000 selepas didapati bersalah memiliki barang kawalan berjadual iaitu 24,676 liter diesel tanpa lesen sah, dua tahun lalu.

Hakim Azman Abu Hassan menjatuhi hukuman itu terhadap G Candrakumar, 47, selepas dia menukar pengakuan kepada bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Azman turut memerintahkan tertuduh dihukum penjara enam bulan jika dia gagal membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memiliki barang kawalan berjadual iaitu diesel sebanyak 24,676 liter dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak munasabah.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis di Kawasan Perusahaan Pinang Emas, Sungai Petani, jam 1.30 petang, 4 Oktober 2022.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961, sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara minimum dua tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Muhammad Nizam Amir, manakala tertuduh diwakili peguam, T Sharmela.

Candrakumar membayar denda dikenakan di kaunter Kompleks Mahkamah Sungai Petani sebaik prosiding.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 3

# Harga telur boleh naik sehingga 50 peratus jika subsidi dihentikan

**SHAH ALAM -** Satu kajian impak mendalam perlu dilakukan bersama semua pemegang taruh sebelum keputusan penamatan subsidi telur ayam gred A, B dan C dilaksanakan.



KHAIRIL NIZAM

Pengerusi Lajnah Hal Ehwal Konsumer dan Kepenggunaan Pas, Khairil Nizam Khirudin berkata, sekiranya subsidi dihentikan, harga telur ayam boleh meningkat 20 hingga 50 peratus, bergantung kepada situasi pasaran dan respons pengeluar.

Berikutan itu, katanya, penting bagi menilai kesan impak negatif terhadap pengguna kesan kenaikan harga tersebut, terutama golongan berpendapatan rendah.

"Penarikan subsidi berjumlah RM927 juta pada tahun 2023 juga menyebabkan pengurangan akses kepada telur yang merupakan sumber protein penting bagi rakyat dan juga industri makanan di negara ini.

"Pada bulan September, data harga ex-farm telur ayam ialah 36 sen bagi Gred A, 34 sen bagi Gred B dan 32 sen bagi Gred C," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Ahli Parlimen Jerantut itu juga menggesa kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) dan agensi seperti Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) supaya bertegas dengan pemain-pemain industri telur ayam di negara ini.



**Kerajaan digesa bertegas dengan pemain industri bagi memastikan harga telur ayam stabil dan bekalan mencukupi.**

Ujarnya, ini untuk memastikan harga telur stabil dan bekalan mencukupi, serta peniaga tidak mengambil kesempatan menekan pengguna dengan menaikkan harga atau mengurangkan bekalan di pasaran.

"Biarpun cadangan menghentikan subsidi bagi telur ayam ini mampu mewujudkan pasaran lebih seimbang, serta mempromosikan pasaran lebih kompetitif, namun impak segera dan kesan rantaian perlu diperhalusi oleh Kerajaan Madani.

"Secara keseluruhannya, impak kepada pengguna bergantung bagaimana pasaran menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut dan langkah-langkah sokongan tambahan serta intervensi yang boleh diambil oleh kerajaan," katanya.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Syor kaji semula subsidi telur wajar dipertimbang

**Putrajaya:** Cadangan mengkaji semula subsidi telur ayam gred A, B dan C sudah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata langkah itu wajar dipertimbang apabila bekalan telur kembali pulih dan stabil.

Katanya, ia berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam 1 November tahun lalu yang menyaksikan penjimatan RM100 juta sebulan yang dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain lebih mendesak.

"Tempoh awal saya di kementerian ini, negara waktu itu berdepan kekurangan ayam dan telur ayam. Apabila kita ambil keputusan tidak popular tamatkan subsidi ayam, ketika itu ramai pertekeh usaha kita, konon harga ayam akan melambung.

"Alhamdulillah, selepas subsidi ditamatkan, harga ayam tidak lagi melambung. Lebih penting, negara dapat manfaat dengan penjimatan RM100 juta sebulan dan kini penternak ayam pula mengeluh kepada saya kerana harga ayam terlalu murah.

"Hari ini kita tidak lagi dengar keluhan rakyat mengenai tiada bekalan ayam dan telur ayam di pasaran," katanya berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), di sini semalam.

Kerajaan memperuntukkan RM927 juta bagi subsidi telur ayam pada 2023 sebelum pada Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penurunan tiga sen harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara.

## Tubuh jawatankuasa khas

Negara membelanjakan lebih RM3 bilion sejak Februari 2022 untuk subsidi ayam dan telur sebelum kerajaan melaksanakan penamatan subsidi ayam pada 1 November 2023 yang menyaksikan bekalan serta harga ayam makin stabil.

Sementara itu, Mohamad berkata, KPKM akan menubuhkan jawatankuasa khas diketuai Ketua Setiausahanya, Datuk Seri Isham Ishak bagi mengkaji Kadar Sara Diri (SSR) Daging dalam menangani kekurangan bekalan makanan berkenaan.

"SSR daging masih di tahap bawah 20 peratus. Bagi memastikan perancangan mencukupkan bekalannya seperti dirancang dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi melihat perkara ini," katanya.

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 10/10/2024

M/SURAT: 17

# Subsidi telur dikaji semula jika bekalan pulih

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan itu kembali pulih dan stabil.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan.

"Cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, dan dalam pertimbangan," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan KPKM, di sini, semalam.

Mohamad berkata, penjimatan berkenaan dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang mendesak.

Menurut beliau, negara telah membelanjakan lebih RM3 bilion sejak Februari 2022 untuk subsidi ayam dan telur, sebelum kerajaan melaksanakan penamatan subsidi ayam pada 1 November 2023 dan menyaksikan bekalan serta harga ayam semakin stabil hingga kini.

"Apabila kita mengambil keputusan tidak popular iaitu menamatkan subsidi ayam, pada ketika itu ramai memperlekehkan usaha kita, kononnya harga ayam akan melambung.

"Alhamdulillah, setelah subsidi ditamatkan, harga ayam tidak lagi melambung dan lebih penting lagi, negara mendapat manfaat dengan penjimatan RM100 juta sebulan melalui penamatan subsidi ayam," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 1

## KERAJAAN TIMBANG TAMATKAN SUBSIDI

# TELUR BAKAL IKUT JEJAK AYAM



- Berikutan kejayaan mengekalkan bekalan dan harga ayam selepas mengapungkannya pada tahun lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang mempertimbangkan langkah sama bagi menamatkan subsidi bagi telur ayam gred A, B dan C.
- Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu mendedahkan, cadangan penamatan subsidi telur ayam itu telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan ia akan dilaksanakan sekiranya mendapat kelulusan semua pihak.
- Langkah mengapungkan harga telur ayam dijangka membawa penjimatan sehingga RM100 juta sebulan kepada kerajaan, malah dilihat bakal menyekat manipulasi harga dan bekalan oleh kartel telur ayam.

MUKA 2 & 3

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my
HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 2

# Tiba masa kaji semula subsidi telur ayam

**Kerajaan sedang pertimbang tamat subsidi bahan mentah itu jika bekalan kembali pulih dan stabil**

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA



Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menamatkan subsidi telur ayam gred A, B dan C. - Gambar hiasan

Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menamatkan subsidi telur ayam gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penjimatan sebanyak RM100 juta sebulan daripada penamatan subsidi tersebut bakal dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang lebih mendesak.

"Justeru saya berpandangan sudah tiba masanya kementerian ini mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C," katanya ketika berucap di Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di sini pada Rabu.

Menurutnya, cadangan penamatan subsidi telur ayam telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Cadangan ini telah dikemukakan untuk pertimbangan. Jika mendapat keputusan semua, kita boleh tamatkan subsidi," jelas Mohamad.



MOHAMAD

Mengulas lanjut, beliau berkata, langkah kerajaan menamatkan subsidi ayam pada 1 November tahun lalu menunjukkan kejayaan apabila harga dan bekalan ayam di pasaran terus stabil sehingga ke hari ini.

"Kini, penternak ayam pula yang mengeluh kepada saya kerana harga ayam terlalu murah.

"Kita juga tidak lagi mendengar keluhan rakyat tentang ketiadaan bekalan ayam dan telur ayam di pasaran," katanya.

Pada tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM927 juta bagi subsidi telur ayam.

Berdasarkan statistik KPDN pada tahun 2022, rakyat Malaysia menggunakan kira-kira 30 juta biji telur ayam sehari atau 930 juta sebulan di seluruh negara.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin dalam Wacana Sinar Harian tahun lalu turut mencadangkan kerajaan bertindak segera mengapungkan harga telur dalam masa terdekat bagi mengelak harga dan bekalan runcit bahan itu terus dimanipulasi 'kartel'.

"Saya bukan kata sebab kos 'production', tapi saya tengok harga antarabangsa. Di Thailand, telur 65 sen sebiji, kita pula 45 sen, keluar subsidi 10 sen baru jadi 55 sen.

"Tapi bekalan telur ayam di pasaran tak turun, telur itu ada tapi telur yang disubsidi sahaja tiada, sebab operator pun pandai juga mereka tak nak jual gred A, B, C sebab nak jual telur omega," katanya.

## REAKSI



"Langkah kerajaan ini akan menjejaskan golongan berpendapatan rendah apabila kos sara hidup mereka bakal meningkat."

- Peniaga, Muhammad Affendi Rosli, 32



"Penamatan subsidi telur tidak mendatangkan kebaikan kerana kuasa pembeli rakyat terutama golongan B40 masih lemah."

- Pekerja swasta, Muhammad Afif Danial Zohari, 28



"Telur merupakan salah satu makanan ruji rakyat Malaysia. Apabila subsidi bahan itu dihentikan, harga akan meningkat sekali gus menyebabkan rakyat sukar membelinya lagi."

- Pekerja swasta, Raja Nursyafiqa Zahira Raja Zulkarnain Shah, 30



"Jika subsidi telur sudah tiada, harganya akan meningkat menyebabkan harga makanan dijual turut naik meskipun dalam jumlah yang kecil namun ia tetap memberi kesan kepada peniaga kecil."

- Peniaga, Ros Anis Nabila Jamaluddin, 28



"Telur menjadi pilihan pelajar atau pekerja yang menyara hidup sendiri di bandar, perbelanjaan mereka akan terganggu jika subsidi telur dihentikan."

- Pekerja swasta, Salsabila Syaruhizam, 25

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 4

# Larang campur beras tempatan, import

Peraturan baharu itu antara reformasi yang dilaksanakan KPKM

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA



**Mohamad (dua dari kiri) menyerahkan Buku Pengembangan Racun Makhluk Perosak kepada wakil jabatan ketika Majlis Perhimpunan Bulanan (KPKM) Tahun 2024 di kementeriannya pada Rabu.**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperkenalkan peraturan melarang campuran beras putih tempatan dengan beras putih import.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia antara empat langkah strategi reformasi kementerian itu dalam menyelesaikan masalah yang timbul.

"Pekeliling mengenai peraturan ini akan dikeluarkan dalam masa terdekat," katanya ketika Perhimpunan Bulanan KPKM pada Rabu.

Menurutnya, antara isu besar industri padi dan beras adalah berkaitan kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran.

"Padi merupakan komoditi strategik negara yang memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai makanan asasi rakyat, tetapi juga sebagai sumber pendapatan bagi lebih 230,000 pesawah.

"Buat masa ini pengeluaran beras tempatan hanya mampu membekalkan keperluan untuk 21 juta pengguna di Malaysia.

"Oleh kerana penduduk Malaysia sudah melebihi 30 juta orang, sebahagian lagi beras kita terpaksa import dari sumber luar," ujar beliau.

Sebelum ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mendedahkan pihaknya menerima aduan mengenai beras dicampur antara beras putih tempatan dan import oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, reformasi pentadbiran juga akan dilaksanakan di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dalam masa terdekat.

"KPKM juga akan memantapkan tatakelola sektor padi dan beras iaitu pengasingan kuasa antara Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Bernas yang akan segera dilaksanakan," katanya.

Jelas beliau, agenda reformasi turut meliputi penggabungan kesemua 2,030 penguat kuasa dari tujuh agensi KPKM.

"Kita gabungkan penguat kuasa di bawah KPKM bagi mengoptimumkan tindakan penguatkuasaan untuk memastikan isu ketirisan, penyeludupan dapat dibendung dengan lebih efektif," katanya.

Tambah beliau, melalui langkah-langkah diambil, KPKM menjadi kementerian pertama menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk melaksanakan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam melalui penggabungan penguat kuasa di bawah KPKM.

"Ingin saya tegaskan reformasi yang sedang diusahakan kementerian ini bukanlah kerana ada agenda politik, tetapi ia dilakukan untuk masa depan industri padi dan beras negara," katanya.

# Poultry stocks fall as govt considers ending egg subsidy

BY CHOY NYEN YIAU
theedgemalaysia.com

KUALA LUMPUR (Oct 9): Poultry stocks on Bursa Malaysia fell in active trade on Wednesday, after the government said it was considering removing subsidies for eggs.

Teo Seng Capital Bhd (KL:TEOSENG) led the decline, dropping over 10% to RM2.20, after more than five million shares changed hands. Leong Hup International Bhd (KL:LHI), the country's largest poultry company, slid 2% to 73.5 sen.

"The sell-off among poultry stocks might not necessarily be related to the government's potential removal of egg subsidy," said Loui Low, head of research at Malacca Securities.

Low said since eggs are an essential item, ending the subsidy wouldn't likely lead to a significant decrease in consumer demand. On the contrary, he noted, this could present an upside potential, boosting earnings for poultry and egg companies.

"The appreciation of the ringgit [against the US dollar], which reduces input costs for chicken feed, would have a more significant impact on poultry companies' earnings. Therefore, I believe the sell-off in these stocks may not persist," Low added.

The Ministry of Agriculture and Food Security is currently reviewing subsidies for all three grades of chicken eggs, *Bernama* reported on Wednesday, citing its minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Ending the egg subsidy could save the government RM100 million per month, which could be redirected to develop other critical areas of the agro-food sector, the minister was quoted as saying by the state news agency.

"A proposal has been submitted to the Ministry of Finance and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living," Mohamad had said.

Currently, egg producers are given subsidy at a rate of 10 sen per egg, while the ceiling retail prices for Grade A, B and C chicken eggs is set at 42 sen, 40 sen and 38 sen per egg.







Other poultry-related stocks also saw declines on Wednesday, including Lay Hong Bhd (KL:LAYHONG), which dropped one sen or 2.63% to 37 sen; PWF Corp Bhd (KL:PWF), which dipped half a sen or 0.55% to 90 sen; and LTKM Bhd (KL:LTKM), whose shares fell three sen or 2.16%. CAB Cakaran Corp Bhd's (KL:CAB) share price ticked down by 1.53%, or one sen, to 64.5 sen.

TPC Plus Bhd (KL:TPC) also fell half a sen or 1.37% to 36 sen. In contrast, QL Resources(KL:QL) edged up one sen or 0.21% to RM4.70.

Click to ASK EDGE
12 Things You Must Know About A Stock



THE EDGE MALAYSIA
HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 3

# Mat Sabu: Govt considering terminating egg subsidy

Bernama



PUTRAJAYA (Oct 9): The Ministry of Agriculture and Food Security is reviewing the subsidy for chicken eggs (grades A, B and C).

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, who is known as Mat Sabu, said the government is considering ending the egg subsidy to save RM100 million a month, which could be redirected to develop other critical aspects of the agro-food sector.

"A proposal has been submitted to the Ministry of Finance and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living," he told the media after the monthly assembly of his ministry here on Wednesday.

He said the country had spent more than RM3 billion since February 2022 in subsidies for chicken and chicken eggs.

The subsidy for chicken was terminated on Nov 1 last year, following which the supply and price of chicken became more stable.

"When we took the unpopular decision of ending the chicken subsidy, many people belittled our efforts, saying that the price of chicken would soar.

"Alhamdulillah, after the subsidy was terminated, the price of chicken no longer soared, and more importantly, the country benefited by saving RM100 million a month," the minister said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 2

# Dakwaan tidak berasas

**Dari muka depan**

"Umumnya diketahui bahawa sebagai calon politik, seseorang mesti meletakkan jawatan dalam semua jawatan berkaitan yang melibatkan agensi dan kerajaan. Saya telah meletak semua jawatan perniagaan saya pada 2017. Ini boleh disahkan melalui rekod dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pendaftar Pertubuhan (RoS), yang jelas menunjukkan dakwaan itu tidak berasas.

"Zulkarnain juga mendakwa ada sesuatu yang dia harap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menyiasat. Dia mendakwa Peter Anthony dikenali sebagai kontraktor Kelas A dan kekal sebegitu sehingga hari ini.

"Bagaimana dia (Zulkarnain) tahu saya masih kontraktor Kelas A sedangkan fokus saya adalah untuk menjadi wakil rakyat dan presiden parti dan organisasi?

"Zulkarnain juga menyatakan bahawa saya dilantik ke kementerian yang mengendalikan projek semasa masih menjadi kontraktor Kelas A. Beliau membayangkan terdapat kelemahan di sana, yang menunjukkan saya tidak jujur atau terlibat dalam amalan tidak beretika," katanya dalam sidang media di Pejabat KDM di Kepayan Point, Rabu.

Peter berkata, terdapat juga banyak kenyataan yang dibuat oleh Zulkarnain yang tidak patut dibuatnya, termasuk yang melibatkan perbicaraan yang sedang berjalan.

Berhubung isu air yang dibangkitkan Zulkarnain, Peter berkata pada 2018, kementeriannya sebulat suara memutuskan untuk menamatkan syarikat konsesi air di bawah Jabatan Air.

"Itu keputusan kementerian, kita bawa ke Kabinet untuk kelulusan kerana ada masalah besar.

"Kita semua ingat wang tunai ratusan juta ditemui di pejabat Jabatan Air dan kementerian. SPRM juga merampas wang dari pelbagai tempat ketika itu. Jadi, apabila saya menjadi menteri, saya nampak banyak isu.

"Oleh sebab itu, kami memutuskan untuk menambah baik konsesi. Selepas memeriksa semua loji rawatan air, kami mendapati masalah berleluasa. Pada masa itu, kami memutuskan untuk menamatkan semua syarikat konsesi dan mengambil alih sepenuhnya perkhidmatan, menyerap lebih 3,500 pekerja ke dalam kementerian.

"Pada masa itu, daripada membayar sekitar RM20 juta hingga RM26 juta sebulan, saya hanya perlu membayar RM3.5 juta. Jadi, anda boleh lihat berapa banyak kami mengurangkan bajet atau perbelanjaan untuk syarikat konsesi itu. Pada hujung setiap tahun, kita menjimatkan kira-kira RM100 juta hingga RM200 juta hasil penamatan syarikat konsesi."

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 3

# Subsidy for chicken eggs being reviewed

PUTRAJAYA: The Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) is reviewing the subsidy for chicken eggs grades A, B and C.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the government is considering ending the egg subsidy to save RM100 million a month which could be redirected to develop other critical aspects in agro-food sectors

"A proposal has been submitted to the Ministry of Finance and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living," he told the media after the KPKM monthly assembly, here today.

He said the country has spent more than RM3 billion since February 2022 in subsidies for chicken and chicken eggs.

The subsidy for chicken was terminated on Nov 1 last year, following which, the supply and price of chicken became more stable.

"When we took the unpopular decision of ending the chicken subsidy, many people belittled our efforts, saying that the price of chicken would soar.

"Alhamdulillah, after the subsidy was terminated, the price of chicken no longer soared and more importantly, the country benefited by saving RM100 million a month," he said. – Bernama

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 1

# Putrajaya mulls ending egg subsidy, move to save RM100 mln a month

**PUTRAJAYA:** The Ministry of Agriculture and Food Security (MAFS) is reviewing the subsidy for chicken eggs grades A, B and C, said minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the government is considering ending the egg subsidy to save RM100 million a month, which could be redirected to develop other critical aspects in agro-food sectors.

"A proposal has been submitted to the Ministry of Finance and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living," he told the media after the ministry's monthly assembly, here yesterday.

He said the country has spent more than RM3 billion since February 2022 in subsidies for chicken and chicken eggs.

The subsidy for chicken was terminated on Nov 1 last year, after which the supply and price of chicken became more stable, he added.

"When we took the unpopular decision of ending the chicken subsidy, many people belittled our efforts, saying that the price of chicken would soar.

"Alhamdulillah, after the subsidy was terminated, the price of chicken no longer soared and more importantly, the country benefited by saving RM100 million a month," he said.

On a separate matter, Mohamad said MAFS will merge seven enforcement agencies under its purview to enhance regulation within the agro-food sector.

» Turn to Page 2, Col 5



# Reform proposal to be presented to PM on Nov 1 — Mohamad

» From Page 1

The agencies involved are the Kawalselia Padi dan Beras (KPB) regulatory body; Department of Quarantine and Inspection Services Malaysia (Maqis); Department of Agriculture; Department of Veterinary Services; Department of Fisheries; Federal Agricultural Marketing Authority (Fama); and Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM).

He said the reform proposal would be presented to Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim in a meeting scheduled for Nov 1.

"The reform efforts undertaken by the ministry are not driven by any political agenda. Instead, they focus on the betterment and future of the industry."

Mohamad explained that the merger of these agencies would involve a total of 2,030 enforcement officers and 14 Acts to ensure more optimal enforcement to effectively address issues of leakage and smuggling.

He also mentioned that administrative reforms would soon be implemented at the Farmers' Organisation Authority (LPP) and the National Farmers' Organisation (Nafas).

"I am pleased to announce that through these initiatives, MAFS is the first ministry to respond to the prime minister's call to implement public service reform through the consolidation of enforcement agencies," he said. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



**INTERAKSI:** Mohamad (dua kiri) beramah mesra dengan tetamu pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Timbalan Menteri KPKM Datuk Arthur Joseph Kurup (kiri). — Gambar Bernama

# Penamatan subsidi telur ayam sedang dipertimbang

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan itu kembali pulih dan stabil.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan.

"Cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, dan dalam pertimbangan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di sini, semalam.

Mohamad berkata, penjimatan berkenaan dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang mendesak.

Menurut beliau, negara telah membelanjakan lebih RM3 bilion sejak Februari 2022 untuk subsidi ayam dan telur, sebelum kerajaan melaksanakan penamatan subsidi ayam pada 1 November 2023 dan menyaksikan bekalan serta harga ayam semakin stabil hingga kini.

Utusan Sarawak
HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 5

# Penamatan subsidi telur ayam dipertimbangkan

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan itu kembali pulih dan stabil.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan.

"Cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, dan dalam pertimbangan," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan KPKM di sini semalam.

Mohamad berkata penjimatan berkenaan dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang mendesak.

Menurut beliau, negara telah membelanjakan lebih RM3 bilion sejak Februari 2022 untuk subsidi ayam dan telur, sebelum kerajaan melaksanakan penamatan subsidi ayam pada 1 November tahun lepas dan menyaksikan bekalan serta harga ayam semakin stabil hingga kini.

"Apabila kita mengambil keputusan tidak popular, iaitu menamatkan subsidi ayam, pada ketika itu ramai memperlekehkan usaha kita, kononnya harga ayam akan melambung.

"Alhamdulillah, setelah subsidi ditamatkan, harga ayam tidak lagi melambung dan lebih penting lagi, negara mendapat manfaat dengan penjimatan RM100 juta sebulan melalui penamatan subsidi ayam," katanya. - Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New Sarawak Tribune
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: KHAMIS
TARIKH: 10/10/2024
M/SURAT: 6

# Govt may terminate egg subsidy



BY MA CHEE SENG

PUTRAJAYA: The Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) is reviewing the subsidy for chicken eggs grades A, B and C.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the government is considering ending the egg subsidy to save RM100 million a month which could be redirected to develop other critical aspects in agro-food sectors.

"A proposal has been submitted to the Ministry of Finance and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living," he told the media after the KPKM monthly assembly, here yesterday.

He said the country has spent more than RM3 billion since February 2022 in subsidies for chicken and chicken eggs.

The subsidy for chicken was terminated on Nov 1 last year, following which, the supply and price of chicken became more stable.

"When we took the unpopular decision of ending the chicken subsidy, many people belittled our efforts, saying that the price of chicken would soar.

"Alhamdulillah, after the subsidy was terminated, the price of chicken no longer soared and more importantly, the country benefited by saving RM100 million a month," he said. - BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 10 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 10-Oct | Miliki diesel tanpa lesen, pemandu lori didenda RM80,000 | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142493/miliki-diesel-tanpa-lesen-pemandu-lori-didenda-rm80000 | HARIAN METRO |
| 10-Oct | Pemandu lori didenda RM80,000 miliki diesel tanpa lesen | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/pemandu-lori-didenda-rm80000-miliki- | UTUSAN MALAYSIA |
| 10-Oct | Kerajaan pertimbang tamatkan subsidi telur jika bekalan kembali pulih | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142516/kerajaan-pertimbang-tamatkan-subsidi-telur-jika- | HARIAN METRO |
| 10-Oct | PENAMATAN SUBSIDI TELUR AYAM SEDANG DIPERTIMBANGKAN - MOHAMAD | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2349469 | BERNAMA |
| 10-Oct | Mat Sabu: Govt considering terminating egg subsidy | https://theedgemalaysia.com/node/729542 | THE EDGE MALAYSIA |
| 10-Oct | Mohamad Sabu: Government considering terminating egg subsidy | https://www.theborneopost.com/2024/10/09/mohamad-sabu-government-considering-terminating-egg-subsidy/ | THE BORNEO POST |
| 10-Oct | Penamatan subsidi telur ayam sedang dipertimbangkan – Mohamad Sabu | https://utusansarawak.com.my/penamatan-subsidi-telur-ayam-sedang-dipertimbangkan-mohamad | UTUSAN SARAWAK |
| 10-Oct | End of chicken egg subsidy? Govt reviewing it for grades A, B and C to save RM100m monthly, says minister | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/10/09/end-of-chicken-egg-subsidy-govt-reviewing-it-for-grades-a-b-and-c-to-save-rm100m-monthly-says-minister/153038 | MALAY MAIL |
| 10-Oct | Kos tinggi: Peniaga sukar teruskan Menu Rahmah | https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/kos-tinggi-peniaga-sukar-teruskan-menu-rahmah/ | UTUSAN MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Oct | Polis Marin rekod lebih 1,000 kes seludup barang kawalan di seluruh negara | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-marin-rekod-lebih-1000-kes-seludup-barang-kawalan-di-seluruh-negara-490940 | ASTRO AWANI |
| 10-Oct | Polis marin rekod 1,336 kes seludup barang kawalan RM193.4 juta | https://selangorkini.my/2024/10/polis-marin-rekod-1336-kes-seludup-barang-kawalan-rm193-4-juta/ | SELANGOR KINI |
| 10-Oct | Over 1,300 cases of raw materials smuggled nation-wide | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/09/over-1300-cases-of-raw-materials-smuggled-nationwide | THE STAR |
| 10-Oct | Sorok diesel bernilai RM11,800 dalam kebun pisang | https://www.sinarharian.com.my/article/690057/berita/semasa/sorok-diesel-bernilai-rm11800-dalam-kebun-pisang | SINAR HARIAN |
| 10-Oct | Sindiket seludup diesel dalam kebun pisang terbongkar | https://www.kosmo.com.my/2024/10/09/sindiket-seludup-diesel-dalam-kebun-pisang-terbongkar/ | KOSMO |
| 10-Oct | KPDN sita 4,000 liter diesel disimpan di bangsal dalam kebun | https://www.malaysiakini.com/news/722096 | MALAYSIA KINI |
| 10-Oct | KPDN SITA 4,000 LITER DIESEL DISIMPAN DI BANGSAL DALAM KEBUN PISANG | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2349786 | BERNAMA |
| 10-Oct | Bangsal dalam kebun pisang jadi lokasi seleweng diesel | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/bangsal-dalam-kebun-pisang-jadi-lokasi-seleweng-diesel/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 10-Oct | KPDN sita 4,000 liter diesel disimpan di bangsal dalam kebun pisang | https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-sita-4000-liter-diesel-disimpan-di-bangsal-dalam-kebun-pisang/ | BULETIN TV3 |
| 10-Oct | Malaysia-Thailand bekerjasama kekang penyeludupan di sempadan | https://www.sinarharian.com.my/article/689980/berita/semasa/malaysia-thailand-bekerjasama-kekang-penyeludupan-di-sempadan | SINAR HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Oct | Kongsi maklumat kekang pencerobohan nelayan asing | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1142571/kongsi-maklumat-kekang-pencerobohan-nelayan- | HARIAN METRO |
| 10-Oct | Tingkat kerjasama elak pencerobohan, penyeludupan di perairan sempadan Malaysia-Thailand | https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/tingkat-kerjasama-elak-pencerobohan-penyeludupan-di-perairan-sempadan-malaysia-thailand/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 10-Oct | Seludup diesel turun, petrol pula menaik | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142589/seludup-diesel-turun-petrol- | HARIAN METRO |
| 10-Oct | Seleweng diesel berkurang selepas penyasaran subsidi | https://www.sinarharian.com.my/article/689994/berita/semasa/seleweng-diesel-berkurang-selepas- | SINAR HARIAN |
| 10-Oct | DBKL kompaun pemilik perniagaan upah pekerja asing tanpa permit | https://www.buletintv3.my/nasional/dbkl-kompaun-pemilik-perniagaan-upah-pekerja-asing-tanpa-permit/ | BULETIN TV3 |
| 10-Oct | DBKL kompaun pemilik perniagaan upah pekerja asing tanpa permit | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1142617/dbkl-kompaun-pemilik-perniagaan-upah-pekerja-asing-tanpa-permit | HARIAN METRO |
| 10-Oct | Harga telur boleh naik sehingga 50 peratus jika subsidi dihentikan - Khairil Nizam | https://www.sinarharian.com.my/article/690044/berita/nasional/harga-telur-boleh-naik-sehingga-50-peratus-jika-subsidi- | SINAR HARIAN |
| 10-Oct | Tarik subsidi telur ayam: Harga makanan naik, B40 paling teruk terkesan | https://malaysiagazette.com/2024/10/09/tarik-subsidi-telur-ayam-harga-makanan-naik-b40-paling-teruk- | MALAYSIA GAZETTE |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Oct | Pemandu lori didenda RM80,000 miliki diesel tanpa lesen | https://www.kosmo.com.my/2024/10/09/pemandu-lori-didenda-rm80000-miliki-diesel-tanpa-lesen/ | KOSMO |
| 10-Oct | Penamatan subsidi telur ayam sedang dipertimbangkan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/09/penamatan-subsidi-telur-ayam-sedang-dipertimbangkan | UTUSAN BORNEO |
| 10-Oct | Penamatan subsidi telur ayam sedang dipertimbangkan | https://mgperak.com/penamatan-subsidi-telur-ayam-sedang-dipertimbangkan/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 10-Oct | Kerajaan sedang mempertimbang tamatkan subsidi telur ayam, boleh jimat RM100 juta sebulan | https://www.dagangnews.com/article/terkini/kerajaan-sedang-mempertimbang-tamatkan-subsidi-telur-ayam-boleh-jimat-rm100-juta-sebulan-43111 | DAGANG NEWS |
| 10-Oct | Penamatan subsidi telur ayam dipertimbang jika bekalan pulih | https://www.buletintv3.my/nasional/penamatan-subsidi-telur-ayam-dipertimbang-jika-bekalan-pulih/ | BULETIN TV3 |
| 10-Oct | Poultry stocks fall as govt considers ending egg subsidy | https://theedgemalaysia.com/node/729613 | THE EDGE MALAYSIA |
| 10-Oct | Syor henti subsidi telur ayam, apa kata persatuan pengguna | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1308613/syor-henti-subsidi-telur-ayam-apa-kata-persatuan-pengguna | BERITA HARIAN |
| 10-Oct | Tamat subsidi telur jangan sampai jejaskan pengguna berpendapatan rendah - FOMCA | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142595/tamat-subsidi-telur-jangan-sampai-jejaskan-pengguna-berpendapatan-rendah#google_vignette | HARIAN METRO |